

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 10/09/2007

Sidang APEC berjaya – Abdullah

um-10/9/2007

SYDNEY 9 Sept. – Perdana Menteri menyifatkan sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Pasifik (APEC) sebagai berjaya dan tidak terdapat banyak tentangan berhubung agenda yang diketengahkan oleh negara tuan rumah, Australia berhubung isu perubahan iklim.

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, terdapat persefahaman antara semua ketua negara APEC untuk mencapai satu kerjasama dalam perbincangan yang diadakan dengan nada yang positif.

Beliau berkata, dalam sesetengah bidang, terdapat perbezaan pendapat tetapi tidaklah sehingga ke peringkat membantah isu yang dibincangkan.

Bercakap dalam sidang akhbar pada akhir sidang kemuncak APEC yang diadirinya, Abdullah berkata, beliau bersama-sama lain-lain ketua negara pertubuhan itu sedang melihat isu perubahan iklim sebagai sesuatu yang serius.

Dalam perbincangan yang diadakan, katanya, mesyuarat telah memfokuskan kepada masalah serius dihadapi oleh alam sekitar.

“Apa yang perlu ialah kita semua (negara-negara APEC) bekerjasama dan bertindak bersama-sama kerana masalah perubahan iklim ini merentasi sempadan negara,” jelas beliau.

Perdana Menteri berkata, beliau berpendapat sidang kemuncak APEC ini adalah forum yang tepat membincangkan isu perubahan iklim walaupun matlamat utama APEC ialah untuk membincangkan soal liberalisasi perdagangan dan kerjasama ekonomi.

Bagaimanapun, isu perubahan iklim mempunyai kesan terhadap negara-negara anggota APEC yang boleh menjejaskan pertumbuhan ekonomi.

Menjawab satu soalan, Abdullah berkata, dalam membincangkan isu perubahan iklim, tidak seharusnya ada satu tempoh masa yang perlu dipatuhi oleh mana-mana pihak.

Ini kerana, katanya, soal pematuhan (sesuatu yang dipersetujui) antara satu negara dengan negara lain adalah berbeza-beza kerana keupayaan pelaksanaan yang berlainan.

– Utusan



ABDULLAH Ahmad Badawi, John Howard (kanan) bersama ketua-ketua negara Asia Pasifik pada hari terakhir sidang kemuncak APEC di Sydney, semalam.